

28 NOV 1996

PELAN: OEM AKAN DIPUPUK MENJADI OBM

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pembuat Kelengkapan Asli (OEM) Malaysia dalam industri elektrik dan elektronik, iaitu satu-satunya sektor yang telah menampakkan perusahaan berkelompok, akan dipupuk untuk menjadi pengeluar Barangan Jenama Sendiri (OBM) dan dieksport di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2).

Ini akan menghasilkan kekayaan yang bertambah daripada kegiatan nilai ditambah, menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam PIP2 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Selain daripada memperkenalkan dasar yang liberal untuk memudahkan kemasukan pakar asing, kerajaan akan menyediakan insentif untuk membangunkan kemahiran dalam kegiatan nilai ditambah seperti reka bentuk, penjenamaan dan pemasaran, katanya.

Syarikat Malaysia akan diberikan tumpuan istimewa untuk membangunkan produk dan menjadi pembekal serantau dan dunia. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar (Matrade) akan menganjurkan program promosi khas untuk produk berjenama Malaysia di luar negara.

Industri elektrik dan elektronik merupakan sektor perindustrian yang terkemuka di negara ini dari segi pelaburan, keluaran perusahaan, nilai ditambah, eksport dan gunatenga.

Walaupun Malaysia telah berjaya meletakkan namanya sebagai pembekal produk elektrik dan elektronik utaman dunia, industri ini pada hakikatnya masih merupakan pengilang barangan berjenama asing.

Kementerian itu menyatakan teras selanjutnya bagi langkah pembangunan perusahaan yang berasaskan kelompok untuk industri elektrik dan elektronik termasuklah memajukan rantai nilai, memperdalam rangkaian bekalan, bergerak ke arah teknologi yang lebih tinggi, menubuhkan kemudahan pemasangan wafer dan membangunkan teknologi maklumat (IT) dan industri multimedia.

Dalam membangunkan rantai nilai, syarikat multinasional (MNC) akan digalakkan untuk menubuhkan pusat pembuatan bersepadu (IMC) dan menggunakan Malaysia sebagai pusat pemasaran dan perolehan mereka.

Malaysia juga akan dijadikan pusat pengeluaran Asia-Pasifik dengan mengkaji masalah kewangan yang boleh menghalang penubuhan ibu pejabat serantau dan pejabat perolehan di sini.

Undang-undang dan peraturan yang menghalang pembentukan industri berkelompok juga harus juga dikaji semula, katanya.

Memperdalam rangkaian bekalan memerlukan pengukuhan secara mendatar dan menegak dan rangkaian kelompok akan diperhebatkan lagi.

Untuk meningkatkan industri, kementerian itu menyatakan pemilikan strategik syarikat teknologi utama dan baru muncul diperlukan beserta dengan meningkatkan keupayaan tempatan, penyelidikan dan dana.

Mengenai industri multimedia, yang dijangkakan menjadi jentera pertumbuhan dalam kelompok elektrik dan elektronik pada masa depan, MITI menyatakan di antara yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan dengan segera dalam koridor raya multimedia ialah kerajaan elektronik, pengilangan jarak jauh, kad pintar pelbagai guna dan kelumayan tabung multimedia. --

BERNAMA

JR RIF MA